

<p><b>HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK</b></p> <p>(Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda bercadang untuk memohon Pembiayaan Semula Kredit Eksport. Pastikan anda juga membaca terma dalam Surat Tawaran. Dapatkan penjelasan daripada institusi anda jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma am.)</p>	<p><b>PEMBIAYAAN SEMULA KREDIT EKSPORT</b></p> <p>Tarikh:</p>
<p><b>1. Apakah produk ini?</b></p>	
<p>Kemudahan Pembiayaan Semula Kredit Eksport (<i>Export Credit Refinancing</i> atau ECR) ialah skim insentif kredit yang diberikan oleh kerajaan untuk membantu Pengeksport tempatan. Skim ini ditadbir oleh Export-Import Bank of Malaysia (EXIM) di mana pembiayaan disalurkan melalui bank-bank komersial. Kemudahan ECR boleh digolongkan kepada 2 kategori, iaitu pembiayaan Sebelum Penghantaran dan pembiayaan Selepas Penghantaran.</p> <p><u>Pembiayaan Sebelum Penghantaran</u> - disediakan untuk memudahkan pengeluaran barangan yang layak untuk dieksport sebelum penghantaran dan untuk menggalakkan rantaian ke belakang antara Pengeksport Langsung dan Pembekal tempatan (Pengeksport Tidak Langsung).</p> <p><u>Pembiayaan Selepas Penghantaran</u> - disediakan untuk merapatkan keperluan pembiayaan Pengeksport Langsung, daripada penghantaran barangan kepada penerimaan pembayaran bil eksport mereka.</p>	
<p><b>2. Apakah ciri-ciri utama produk ini?</b></p>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembiayaan adalah dalam Ringgit Malaysia (RM).</li> <li>• Di bawah kaedah “Berdasarkan Pesanan” Sebelum Penghantaran, pembiayaan dihadkan pada 95% daripada pesanan eksport bagi Pengeksport Langsung manakala Pengeksport Tidak Langsung mendapat jumlah penuh, dibundarkan ke bawah kepada ribu terdekat. Dalam kes di bawah kaedah “Sijil Prestasi (<i>Certificate of Performance</i> atau CP)”, pembiayaan adalah sehingga jumlah yang layak seperti yang dinyatakan dalam CP.</li> <li>• Untuk kaedah Selepas Penghantaran, pembiayaan adalah sehingga 100% daripada nilai inuis eksport, dibundarkan ke bawah kepada ribu terdekat, tertakluk kepada minimum RM10,000.00.</li> <li>• Tempoh pembiayaan Sebelum Penghantaran adalah tertakluk kepada maksimum 120 hari, tanpa minimum yang dikenakan manakala pembiayaan Selepas Penghantaran adalah tertakluk kepada tempoh minimum 7 hari dan maksimum 183 hari.</li> <li>• EXIM menawarkan kadar keutamaan bagi pembiayaan kepada Pengeksport Langsung dan Pengeksport Tidak Langsung yang layak. Bank Komersial dibenarkan untuk menambah margin tidak lebih daripada 1.0% setahun terhadap kadar keutamaan tersebut.</li> <li>• Pembayaran balik awal dibenarkan.</li> </ul>	
<p><b>3. Bagaimanakah faedah Sebelum Penghantaran dan hasil yang didiskaunkan Selepas Penghantaran dikira?</b></p>	
<p>Sebelum Penghantaran = <math>\frac{\text{Jumlah Prinsipal ECR} \times \text{Kadar yang Ditentukan} \times \text{Tempoh}}{365 \times 100}</math></p> <p>Hasil Didiskaunkan Selepas Penghantaran = <math>\text{Jumlah Prinsipal ECR} / (1 + [(\text{Kadar Pembiayaan Exim} + \text{Margin} \times \text{Tempoh}) / 36500])</math></p>	
<p><b>4. Bagaimanakah cara untuk saya memohon produk ini?</b></p>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anda perlu mempunyai Kemudahan ECR yang diluluskan oleh Bank dan kelulusan untuk mengakses kemudahan ECR dari EXIM.</li> <li>• Permohonan mesti dilakukan dalam Borang Permohonan standard Bank, yang dilengkapi dan ditandatangani sewajarnya oleh penandatanganan yang dibenarkan anda.</li> <li>• Setiap permohonan mesti disertakan dengan dokumen sokongan yang berkenaan, contohnya, CP, inuis, dokumen pengangkutan, yang membuktikan transaksi eksport tersebut.</li> </ul>	
<p><b>5. Apakah tanggungjawab saya?</b></p>	
<p>Melakukan pembayaran balik sepenuhnya pada tarikh matang ECR.</p>	
<p><b>6. Apakah risiko-risiko utama?</b></p>	
<p>Anda mungkin terdedah kepada risiko turun naik pertukaran asing memandangkan bahawa jumlah eksport belum terima anda adalah</p>	

dalam mata wang asing manakala pembiayaan ECR adalah dalam RM.

**7. Bagaimanakah jika saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?**

- ECR akan diklasifikasikan sebagai tertunggak jika tidak dibayar balik sepenuhnya pada tarikh matang dan faedah ingkar pada 3.5% setahun atas Kadar Pinjaman Asas lazim Bank akan dikenakan ke atas jumlah prinsipal ECR.
- Sebarang ECR yang tertunggak akan menjejaskan pengeluaran selanjutnya bagi Kemudahan ECR dan kemudahan lain dengan Bank.
- Jika ECR yang tertunggak masih belum dibayar selepas 3 bulan, kemudahan anda dengan Bank akan diklasifikasikan sebagai tidak berbayar.
- Bank berhak untuk menolak selesai apa-apa baki kredit dalam akaun anda terhadap sebarang ECR yang tertunggak berikutan pemberian notis 7 hari terlebih dahulu kepada anda.
- Bank boleh menguatkuasakan haknya dan memulakan proses pemulihan/tindakan undang-undang dan Kemudahan ECR anda serta apa-apa kemudahan lain dengan Bank boleh ditarik balik.

**8. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?**

Faedah	Seperti yang dinyatakan di atas
Caj Pengendalian	RM5.00 setiap transaksi
Fi Pesanan Belian Domestik/Tempatan (DPO/ LPO)	0.05% Rata pada nilai DPO, minimum RM20.00 maksimum RM500.00
Caj Lain	Sila rujuk kepada Surat Tawaran kami dan laman web Korporat Bank di <a href="http://www1.uob.com.my">www1.uob.com.my</a> untuk butiran lanjut

Nota: Bank boleh menyemak semula komisen, kadar faedah, fi dan caj dari semasa ke semasa pada budi bicara mutlaknya, tertakluk kepada Bank memberikan anda notis 21 hari terlebih dahulu.

**9. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam maklumat hubungan saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami mengenai sebarang perubahan dalam maklumat hubungan anda bagi memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Jika terdapat sebarang perubahan dalam maklumat hubungan anda, sila maklumkan cawangan UOBM yang terdekat atau Pusat Perkhidmatan Perbankan Perniagaan atau hubungi Pengurus Perhubungan UOBM anda.

**10. Di manakah boleh saya dapatkan bantuan dan pembelaan?**

- Jika anda mempunyai masalah untuk melakukan pembayaran balik, sila hubungi Bank dengan secepat mungkin untuk membincangkan pilihan pembayaran balik yang lain. Anda boleh menghubungi Pengurus Perhubungan Akaun UOBM anda atau menghantar E-mel kepada kami di [uobcustomerservice@uob.com.my](mailto:uobcustomerservice@uob.com.my) atau hubungi kami di No. Tel Kuala Lumpur 603 - 2612 8121; Pulau Pinang 604 - 2401 121; Johor Bahru 607 - 2881 121; Kuching 082 - 287 121 atau Kota Kinabalu 088 - 477 121
- Selain itu, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di Maju Junction Mall, Tingkat 8, 1001 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur (Tel: 03-26167766 atau E-mel ke [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)).
- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh Bank, anda boleh menghantar E-mel kepada kami di [uobcustomerservice@uob.com.my](mailto:uobcustomerservice@uob.com.my) atau hubungi kami di No. Tel Kuala Lumpur 603 - 2612 8121; Pulau Pinang 604 - 2401 121; Johor Bahru 607 - 2881 121; Kuching 082 - 287 121 atau Kota Kinabalu 088 - 477 121.
- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur (Tel: 1-300-88-5465; Faks: 603 - 2174 1515; E-mel ke [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)).

**11. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut mengenai produk ini?**

- Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai produk kami, sila kunjungi cawangan UOBM yang terdekat atau hantar E-mel ke [businessbanking.servicecentre@uob.com.my](mailto:businessbanking.servicecentre@uob.com.my) atau log masuk ke [www1.uob.com.my](http://www1.uob.com.my) untuk maklumat lanjut.
- Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Pusat Perkhidmatan Perbankan Perniagaan UOBM kami di Kuala Lumpur 603 - 2616 6800; Pulau Pinang 604 - 2626 800; Johor Bahru 607 - 2236 800; Kuching 082 - 236 820; Kota Kinabalu 088 - 246 820.



Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada September 2018 dan tertakluk kepada perubahan pada budi bicara Bank dari semasa ke semasa.

**Kepada: UNITED OVERSEAS BANK (MALAYSIA) BHD (271809K)**

Saya/Kami dengan ini mengakui penerimaan Helaian Pendedahan Produk di atas.

-----  
Penandatanganan yang Dibenarkan & Cop Syarikat  
Tarikh: